

SMK AYER KEROH

JOHAN

**ANUGERAH SEKOLAH CEMERLANG
PERINGKAT KEBANGSAAN 2008
KATEGORI LONJAKAN SAUJANA PMR**



**KONVENSYEN NASIONAL PIPP
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
2008**



**PENGALAMAN SMK AYER KEROH
MEMUPUK PELAJAR MEMILIKI
KEMAHIRAN DAN KETERAMPILAN :
SATU PERKONGSIAN**



**Oleh
Puan Salmah Binti Abu Bakar
SMK AYER KEROH ,
Taman Tasik Utama , 75450 MELAKA**



Email: saljaf@gmail.com

1.0 Ringkasan Eksekutif

Pembangunan modal insan bertujuan untuk memastikan anak bangsa Malaysia mempunyai ilmu pengetahuan serta kepakaran yang tinggi bagi penyediaan guna tenaga dalam pelbagai jenis pekerjaan. Kelangsungan hasrat ini membawa kepada pembangunan strategi bagi menerapkan pelbagai jenis kemahiran merangkumi kemahiran komunikasi berkesan, kebolehan menggunakan ICT dengan baik, keupayaan berfikir secara kreatif dan kritis, kemampuan bertindak secara rasional, amalan pembelajaran sepanjang hayat; pembudayaan amalan nilai yang tinggi serta keupayaan menjadi pemimpin berkesan dalam keluarga dan masyarakat. Menyedari pembangunan modal insan merupakan aset penting untuk mengupayakan pembangunan negara ke arah mencapai sasaran status negara maju, KPM melalui Teras 2:PIPP 2006-2010 telah merangka cadangan transformasi kurikulum pendidikan prasekolah dan sekolah rendah yang berorientasikan tema, berbentuk modular dan berpusatkan murid. Selaras dengan transformasi kurikulum tersebut, KPM turut membangunkan Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK) yang holistik bagi menilai aspek intelek, rohani, jasmani dan emosi secara bersepadu. Program Pintar yang diterajui oleh Khazanah Nasional Berhad dilaksanakan bagi menyelaras tanggungjawab sosial korporat (GLC) bagi mendukung hasrat memajukan sektor pendidikan. Malah, kerjasama dan penglibatan daripada agensi lain termasuk pihak Kerajaan Negeri melalui penyaluran sumber kewangan dan kemahiran secara langsung mampu mengupayakan perancangan dan pelaksanaan program pembangunan pendidikan di peringkat JPN, PPD dan sekolah. Langkah proaktif semua pihak yang berkepentingan dalam pendidikan termasuk sektor korporat dan pihak kerajaan negeri dilihat mampu memacu pembentukan modal insan yang cemerlang inteleknya, terbentuk sahsiahnya dan tinggi nilai dan jati dirinya. Strategi transformasi sistem pendidikan, penglibatan dan kerjasama sektor korporat dan agensi luar serta usaha berterusan di peringkat JPN, PPD dan sekolah melalui pelaksanaan program pengawalan disiplin yang berkesan bagi memastikan pembangunan sahsiah perlu dikonsolidasikan sebagai satu usaha kolektif ke arah membangunkan modal insan yang relevan dengan keperluan negara ke arah mencapai status negara maju menjelang 2020.

2.0 PENDAHULUAN

Pendidikan bukanlah bermatlamat untuk menghasilkan pelajar-pelajar yang pintar ilmu, konsep atau fakta semata-mata. Pembelajaran yang terhasil daripada sistem pendidikan negara seharusnya menjanakan peningkatan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi pada diri pelajar-pelajar. Sehubungan itu, pendidikan adalah penyumbang utama kepada pembentukan sebuah Negara Bangsa. Bagi sebuah negara yang berbilang kaum seperti Malaysia, identiti nasional hanyalah boleh diterjemahkan melalui pembinaan Negara Bangsa yang tentunya memerlukan komitmen serta penglibatan semua pihak. Oleh yang demikian, pendidikan ialah pemangkin (*catalyst*) kepada pembinaan Negara Bangsa terutamanya untuk menyemai semangat kenegaraan di sanubari pelajar-pelajar.

Mendidik pekerti dan sahsiah pelajar merupakan satu cabaran kepada para pendidik zaman globalisasi ini. Menghasilkan pelajar yang cemerlang akademik serta memiliki keterampilan insan yang mulia merupakan cabaran yang lebih hebat kepada institusi sekolah dan tenaga pengajar. Senario dunia dan ledakan maklumat masa kini semestinya menuntut institusi sekolah dan guru menggembeling pemikiran, usaha dan kreativiti untuk menghasilkan pelajar yang bukan sahaja cemerlang kurikulum tetapi berpotensi menjadi modal insan yang bakal menyumbang kepada penerusan ketamadunan bangsa Malaysia.

Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) yang dilancarkan pada tahun 2006 oleh Kementerian Pelajaran Malaysia menggariskan dengan jelas dasar kementerian untuk membangunkan modal insan yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran serta menghayati nilai-nilai murni.

Oleh yang demikian, matlamat menghasilkan pelajar-pelajar yang cemerlang akademik serta menampilkan ketinggian budi pekerti, mempunyai keupayaan dan kemahiran secukupnya untuk menghadapi tuntutan kerjaya serta bakal menjadi warga negara yang bertanggung jawab, SMKAK mengorak langkah menyusun strategi ke arah pembentukan modal insan yang berlandaskan *attitude determines the altitude*.

3.0 DEFINISI MODAL INSAN

Modal insan membawa maksud sumber manusia yang dipunyai oleh negara bagi keperluan pengisian peluang-peluang ke arah pembangunan negara. Maka, semua warga Malaysia adalah aset penting negara bagi membantu proses pembangunan negara sejajar dengan misi nasional – mencapai status negara maju menjelang 2020. Ke arah itu, sumber manusia dan guna tenaga ini perlu dipertingkatkan kualitinya agar mereka ini berdaya saing di peringkat global, mempunyai keperibadian berketrampilan (*towering personality*), mempunyai jati diri yang utuh, menghayati dan mengamalkan nilai pekerti yang luhur dan murni, sesuai dengan tuntutan Rukunegara.

Daripada perspektif Islam, pendidikan bukan sahaja menyalurkan ilmu dan maklumat tetapi satu proses mendidik dan melatih akal, jasmani, rohani dan emosi manusia berasaskan sumber wahyu, al-Quran dan as-Sunnah, pengalaman salaf al-soleh serta ilmuan muktabar dengan matlamatnya untuk melahirkan insan yang soleh. Oleh yang demikian, pelajar-pelajar yang dihasilkan akan menjadi insan yang sempurna dan berakhlak mulia.

4.0 CIRI-CIRI MODAL INSAN YANG DIKEHENDAKI


Modal insan yang dihasilkan oleh sistem pendidikan negara mesti membentuk sikap tanggung jawab dan akauntabiliti pelajar-pelajar terhadap diri sendiri dan terhadap masyarakat khususnya dan warga sejabat amnya. Persoalannya, apakah petunjuk (*indicator*) pelajar yang dihasilkan merupakan modal insan yang menjadi aspirasi negara?

Pertamanya, sekolah perlu membangunkan pelajar yang menunjukkan perkembangan dan pembentukan diri sendiri. Pendidikan dan bimbingan agar pelajar mempunyai sahsiah yang baik, berketerampilan, berfikiran kreatif dan rasional, berakhlak mulia, seimbang dan bersepadu dalam aspek jasmani, emosi dan intelektual, percaya dan patuh kepada Tuhan serta berilmu pengetahuan.

Keduanya, sekolah perlu memperkembangkan diri pelajar-pelajar untuk berinteraksi dan bersosialisasi dalam masyarakat. Pelajar perlu diajar dan dilatih untuk menjadi warga negara yang setia kepada negara, menjaga hubungan baik sesama insan, berupaya menyumbang ke arah kemakmuran negara dan memupuk perpaduan masyarakat.

Ciri-ciri modal insan yang dikehendaki digambarkan secara grafik dalam Rajah 1 di bawah.

□ MEMBANGUNKAN MODAL INSAN



Rajah 1

5.0 Fokus Pembangunan Modal Insan.




RAJAH 2

Agenda Pembangunan Modal Insan KPM memberi fokus kepada usaha melengkapkan pelajar dengan pelbagai jenis *hard and soft skills*. Pelbagai program dan aktiviti dipertingkatkan dalam usaha melengkapkan semua fokus di atas.


Rajah 2 menunjukkan bahawa pembentukan Modal Insan merupakan satu pendekatan yang holistik. Kertas kerja ini menekankan fokus yang ketiga iaitu memupuk pelajar memiliki kemahiran dan berketerampilan. Strategi pelaksanaan yang akan dibincangkan ialah bagaimana pelajar membina penampilan diri yang positif dengan pelan tindakan yang dipilih iaitu memperbanyakkan aktiviti bina diri seperti kerja berpasukan dan *character building*.

6.0 PENGALAMAN SMK AYER KEROH MEMUPUK PELAJAR MEMILIKI KEMAHIRAN DAN BERKETERAMPILAN : SATU PERKONGSIAN

Sekolah Menengah Kebangsaan Ayer Keroh (SMKAK) mula beroperasi pada 1 Januari 2004, dan lokasinya berhampiran Pusat Perdagangan Antara Bangsa Melaka (MITC). Bilangan pelajar pada tahun kelima beroperasi telah meningkat kepada 716 orang dengan 55 orang guru terlatih dan 11 orang staf sokongan. Peratus kepelbagaian kaum boleh di lihat melalui Rajah 3 di bawah. Status sosio-ekonomi ibu bapa mereka juga mempunyai variasi yang boleh diringkaskan kepada empat sektor pekerjaan dan digambarkan di dalam Rajah 4.



Rajah 3



Rajah 4

Pelajar-pelajar sekolah ini kebanyakannya tinggal berhampiran dengan sekolah iaitu di sekitar kawasan Ayer Keroh. Pelajar-pelajar ini hadir ke sekolah dengan menaiki basikal, berjalan kaki, menaiki bas sekolah dan dihantar oleh ibu bapa masing-masing. Walau bagaimanapun keputusan Ujian Peperiksaan Sekolah Rendah mereka tidaklah begitu memberangsangkan . Sebagai contoh, hanya 7% pelajar-pelajar Tingkatan 3 pada tahun 2007 yang mendapat 5A dalam UPSR. 60 % daripada calon PMR 2007 mendapat kurang daripada 3A dalam peperiksaan UPSR mereka. Faktor keputusan peperiksaan UPSR dan status sosio-ekonomi mereka memberikan impak kepada keberkesanan program-program yang dianjurkan oleh pihak sekolah.

Sekolah ini mula menunjukkan kecemerlangan dalam bidang kurikulum dan kokurikulum walaupun dalam usia setahun jagung. Seluruh warga SMKAK terutamanya tenaga pengajar bergabung tenaga dengan PIBG mengorak langkah untuk mencapai visi sekolah iaitu untuk menjadi sekolah cemerlang peringkat negeri Melaka menjelang tahun 2010. Jadual di bawah menunjukkan pencapaian PMR sekolah setakat tahun 2007 untuk SMKAK. Adalah diharapkan visi sekolah akan tercapai dengan jayanya pada tahun 2010 ini.

Peringkat	2005	2006	2007
Kawasan	4/11	4/11	3/11
Daerah	14/33	12/33	8/33
Negeri	21/62	16/62	13/69

Oleh yang demikian, SMKAK mengharapkan kecemerlangan di peringkat negeri dan negara menjelang tahun 2010 dan untuk mencapai tahap kecemerlangan, SMKAK telah melaksanakan program-program yang dimasukkan dalam Perancangan Strategik sekolah yang berlandaskan misi berikut:

- Meningkatkan prestasi akademik melalui pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan terancang

- Menanam sifat-sifat terpuji, berketerampilan dan jati diri dalam kalangan pelajar menerusi program bina insan secara berperingkat
- Meningkatkan pencapaian kokurikulum pada peringkat negeri melalui aktiviti-aktiviti kokurikulum yang terancang
- Menjadikan persekitaran sekolah lebih kondusif untuk proses pengajaran melalui program keceriaan dan kebersihan
- Menjadikan pengurusan sekolah lebih efektif dan efisien melalui latihan yang berterusan
- Meningkatkan pembangunan sumber manusia melalui program pembangunan staf yang bersesuaian.

Dengan moto *Kecemerlangan Tekad Kami*, SMK Ayer Keroh telah melaksanakan beberapa program kurikulum dan kokurikulum yang dapat memantapkan pengetahuan dan kemahiran pelajar-pelajar sejajar dengan aspirasi Kementerian Pelajaran Malaysia seperti di bawah:

- meningkatkan perkembangan kemahiran sosial pelajar dan seterusnya mengukuhkan interaksi dan integrasi dalam kalangan mereka;
- melengkapkan pelajar dengan sifat-sifat kecemerlangan diri seperti kepimpinan, daya saing, jati diri, kreatif, kritis, berkeyakinan tinggi dan daya tahan;
- meningkatkan tahap disiplin pelajar melalui penyemaian dan pemupukan nilai pengukuhan dan meningkatkan pengetahuan, kemahiran, minat dan bakat pelajar dalam pelbagai bidang;
- mencungkil bakat dan potensi pelajar;
- meningkatkan tahap fizikal dan mental pelajar
- nilai-nilai murni dan sikap positif selaras dengan hasrat Rukun Negara;

Antara program-program yang dilaksanakan untuk membantu membina dan membentuk sahsiah diri pelajar-pelajar ini adalah seperti dalam jadual di sebelah :

Bil	TAJUK PROGRAM	Perlaksanaan	Pengisian	Impak
1	Perhimpunan Mingguan Perhimpunan Harian	Setiap Isnin Setiap Hari	Nyanyian Lagu Ikrar Bacaan Doa Ucapan Penyampaian Hadiah	Disiplin Diri Semangat Patriotik Penghargaan
2	Membaca Satu Amalan	Setiap Hari sebelum perhimpunan	Wajib membaca buku atau mengulangkaji setiap pagi	Budaya membaca sewaktu tiba awal kesekolah
3	Budi Bahasa Budaya Kita	Sepanjang Tahun	Memberi salam hormat kepada guru , rakan dan tetamu Bersalaman dengan guru Ucapan terima kasih	Menghormati orang yang lebih tua.
4	Semaian Kasih	Sepanjang Tahun	Buku Pergerakan Murid Pas Kebenaran Keluar Jadual Kedatangan Surat kepada Ibubapa	Pengurangan Kes Ponteng Sekolah atau Ponteng Kelas
5	Malaysiaku	Ogos-September	Pemasangan Bendera Pertandingan bertema Patriotisme Sambutan Ambang Merdeka Bicara Tokoh	Sayang dan cintakan negara. Semangat Jati Diri Kenali Sejarah Malaysia
6	Program Keteguhan Iman dan Sahsiah Diri	Setiap Jumaat 7.15-7.30	Bacaan Yassin Pendidikan Moral	Mendidik jiwa supaya taat kepada Tuhan
7	Program Ketahanan Mental & Jasmani	Sepanjang Tahun	Bulan Kecergasan Larian Emas Kejohanan Olahraga Hari Koku	Bekerjasama Cergas Ceria Berdayasaing
8	Sambutan Hari Keagamaan & Hari Perayaan	Sepanjang Tahun	Awal Muharam Israk & Mikraj Maulidur Rasul Awal Ramadan Hari Raya ,Tahun Baru Cina, Deepavali Hari Guru	Perpaduan antara kaum Peningkatan rohani Kenali sejarah

9	Semarak Gemilang	2 kali setahun	Aktiviti Jati Diri dan character building	Kerjasama kumpulan Pemantapan Fizikal Berani Kasih sayang antara rakan dan guru
10	Program Pembangunan Modal Insan (Sahsiah Mahmudah)	2 kali setahun	Ceramah dan LDK dari PDRM , JAIM , Kerajaan negeri	Disiplin diri Taat kepada peraturan

Sehubungan itu, semua program di atas adalah untuk memastikan pelajar-pelajar mencapai kejayaan bukan sahaja dalam peperiksaan tetapi memupuk keyakinan diri serta sahsiah yang mulia agar mereka dapat menghadapi cabaran di masa akan datang.

Seterusnya, kertas kerja ini akan mengutarakan **dua** di antara program-program yang menggabungkan aspek kurikulum dan kokurikulum yang telah dilaksanakan dengan jayanya. Kedua-dua program ini telah membantu memberi impak kepada keputusan PMR bagi tahun 2005 , 2006 dan 2007 sehinggakan SMKAK telah dinobatkan sebagai Johan Anugerah Sekolah Cemerlang Kategori Lonjakan Saujana PMR tahun 2008 peringkat kebangsaan.

6.1 PROGRAM SEMARAK GEMILANG

Program ini adalah hasil kolaborasi pihak sekolah dengan Biro Tatanegara Melaka. Telah dijalankan pada 28 – 30 Jun 2007 selama 3 hari 2 malam di Kem Keris Warisan , Melaka. Program ini bermatlamat untuk meningkatkan motivasi 142 orang pelajar-pelajar tingkatan tiga dan membimbing mereka menyediakan nota pembelajaran yang padat, ringkas dan mudah diingati. Program Menjana Kecemerlangan Semarak Gemilang ini dilaksanakan dengan harapan melahirkan pelajar yang berupaya menjana kecemerlangan dalam pelbagai aspek khususnya sebagai seorang pelajar. Di samping itu juga, pelajar-pelajar didedahkan pelbagai teknik kemahiran belajar yang berkesan termasuklah belajar dalam kumpulan. Program ini juga bermatlamat untuk membina keyakinan dalam diri dan membentuk kerjasama yang erat sesama pelajar. Pengisian program ini ialah untuk memberi tumpuan kepada aktiviti-aktiviti kumpulan yang bertujuan membina jati diri. Pihak

Biro Tatanegara telah menaja sepenuhnya perbelanjaan untuk merealisasikan program ini. Penglibatan Biro Tatanegara untuk menjayakan program sebegini menggambarkan keperihatinan agensi-agensi kerajaan untuk bersama-sama mendokong usaha KPM untuk melahirkan anak bangsa Malaysia yang berilmu pengetahuan serta kepakaran yang tinggi bagi penyediaan guna tenaga yang tinggi dalam pelbagai jenis pekerjaan.

6.2 PROGRAM SAHSIAH MAHMUDAH


Program ini adalah tajaan sepenuhnya oleh agensi Rumahku Syurgaku iaitu sebuah agensi di bawah Kerajaan Negeri Melaka. Program selama sehari dalam setiap tahun diadakan untuk semua pelajar Tingkatan 3. Program ini diadakan khasnya untuk memberi kesedaran dan pemahaman kepada pelajar-pelajar yang berisiko agar mereka menjadi lebih berdisiplin dan memberi komitmen kepada peraturan sekolah. Tidak dinafikan bahawa SMK Ayer Keroh juga terpaksa menangani permasalahan disiplin pelajar dan sekiranya tidak dibendung akan menjejaskan prestasi akademik dan membantutkan usaha KPM untuk melahirkan modal insan yang bertanggungjawab pada masa akan datang.

Program yang dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Melaka diisi dengan siri ceramah daripada pelbagai agensi seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Agama Islam Melaka dan Jabatan Ketua Menteri sendiri. Program ini menampakkan kesan yang positif di mana pelajar-pelajar yang terlibat telah menunjukkan perubahan disiplin yang lebih baik dan menghasilkan pengurusan pembelajaran yang lebih berkesan. Walaupun berfokuskan kecemerlangan akademik, program sahsiah mahmudah ini sebenarnya lebih menitikberatkan bimbingan kepada pelajar untuk memahami dan menghayati peranan seorang insan bergelar pelajar sekolah, mempelajari dan mengamalkan semangat berpasukan serta menghayati dan mengaplikasikan peranan yang boleh menyumbang kepada sekolah khususnya dan negara amnya. Dengan kerjasama daripada pelbagai agensi ini telah menampakkan komitmen pelbagai pihak untuk membantu pihak sekolah dalam membangunkan modal insan.


6.3 IMPAK

Sehubungan itu, program ini telah menunjukkan kejayaan apabila pelajar-pelajar berkenaan telah mencapai kejayaan dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah tahun 2007 . Seramai lima belas orang pelajar telah mendapat keputusan A dalam semua mata pelajaran. Pencapaian mereka yang baik telah membolehkan mereka mendapat tempat di Maktab Rendah Sains MARA, Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Teknik dan Vokasional.


Jika dibandingkan dengan prestasi PMR pada tahun 2006, terdapat peningkatan sebanyak lebih dari 10 peratus . Pada tahun 2005, tiada pelajar yang mendapat semua A dalam mata pelajaran. Kemudian, terdapat sedikit peningkatan pada tahun 2006 di mana 5 orang pelajar telah berjaya mendapat 8A. Sesungguhnya Program Semarak Gemilang dan Sahsiah Mahmudah yang dilaksanakan memberikan impak yang sangat positif kepada pelajar-pelajar iaitu terdapat 12 orang pelajar yang mendapat A dalam semua matapelajaran . Peningkatan prestasi "A" sebanyak 29.4 %, peningkatan kuantiti sebanyak 90.8% serta peningkatan GPS sebanyak 2.28% menunjukkan impak yang positif yang menggambarkan kolerasi program-program yang dijalankan oleh pihak sekolah dengan peningkatan prestasi. Rajah 5 , 6 dan 7 di bawah menunjukkan peningkatan ini .



Rajah 5



Rajah 6



Rajah 7

Sebarang program yang dilaksanakan oleh pihak sekolah akan hanya menunjukkan keberkesanan apabila pelajar itu sendiri dapat memberikan maklum balas yang positif. Lantaran itu, pihak sekolah telah mengedarkan instrumen penilaian program (borang pasca program/aktiviti) bertujuan untuk mendapatkan penilaian pelajar terhadap program yang dikendalikan. Hampir 95 % peserta program ini telah memberikan skala penilaian yang tertinggi untuk setiap aktiviti yang dijalankan. Yang lebih signifikan adalah mereka mendapat kesedaran dan menunjukkan kemajuan dalam aspek perlakuan dan sikap serta tanggung jawab mereka dalam refleksi sendiri selepas program.

Walau bagaimanapun, pihak sekolah menerima hakikat bahawa perubahan bukanlah datang semalaman; juga tidak mengharapkan perubahan yang mendadak tanpa sebarang konstrain daripada pihak pelajar. Program sahsiah mahmudah ini hanyalah salah satu daripada program-program pemangkin yang diharapkan akan mencetuskan kesedaran awal kepada pelajar untuk lebih komited untuk menjadi pelajar dan insan yang bertanggung jawab.

7.0 **Penutup**

Sikap menentukan hala tuju kehidupan yang dilalui oleh setiap individu di dunia ini. Kertas kerja ini memberikan fokus kepada Teras 2 dalam PIPP iaitu membangunkan modal insan. Penjelasan yang diberikan mengenai dua di antara banyak program yang dijalankan oleh SMKAK menunjukkan bahawa SMKAK komited untuk menghasilkan pelajar bukan sahaja lengkap ilmu pengetahuan dan kemahiran tetapi mereka juga dapat menghayati nilai-nilai murni, memiliki semangat daya saing yang tinggi, mempunyai kompetensi yang cukup untuk memasuki alam pekerjaan serta menampilkan sikap positif yang tinggi.

Kekuatan yang dipunyai oleh SMKAK adalah pasukan tenaga pengajar yang mempunyai sikap dan kemahiran yang profesional, semangat kerja berpasukan yang tinggi dan budaya kerja yang adil, cekap dan berhemah. Dua belas guru adalah pemeriksa kertas PMR dan SPM, empat guru adalah Jurulatih Utama mata pelajaran

peringkat negeri dan dua guru adalah pentaksir kawasan. Faktor kepakaran guru ini menyumbang kepada kelancaran usaha sekolah untuk mencapai kecemerlangan.

Perjuangan mencapai kecemerlangan bagi SMKAK masih jauh lagi dan usaha serta inisiatif yang berterusan akan dijalankan khususnya untuk menghasilkan pelajar yang mampu bersaing di peringkat globalisasi tetapi pada yang sama, menjadi warga negara yang bertanggung jawab kepada kesinambungan ketamadunan bangsa.

Pencapaian yang positif dalam akademik sudah tentu disumbang oleh sikap pelajar-pelajar yang berdisiplin dan beriltizam. Sekiranya dianalisis keputusan PMR tiga tahun berturut-turut (2005, 2006 dan 2007), SMKAK telah menunjukkan kemajuan yang progresif daripada tiada calon mendapat A pada tahun 2005 meningkat kepada 15 calon . Malah, Gred Purata sekolah juga telah menunjukkan penurunan yang ketara (2.93 kepada 2.28).

Sehubungan itu, masalah disiplin juga menunjukkan penurunan terutamanya daripada aspek kehadiran di mana setiap bulan peratus kehadiran pelajar melebihi 90%. Tiada juga catatan kes salah laku yang berat yang ditimbulkan oleh pelajar-pelajar Tingkatan 3.

Kesimpulannya, usaha untuk melahirkan pelajar-pelajar SMKAK yang berketerampilan dalam segala aspek adalah suatu proses pembelajaran yang berterusan. Kelemahan dan kekangan sentiasa dikenal pasti untuk mencetuskan penambahbaikan yang bersifat proaktif dan berterusan. SMKAK sentiasa komited untuk menterjemahkan aspirasi KPM yang diutarakan dengan jelas dalam PIPP. Pelajar-pelajar lepasan SMKAK akan menyumbang kepada pembangunan modal insan iaitu yang memiliki keyakinan diri yang tinggi, berpegang teguh kepada nilai agama dan moral, beretika seta mampu berdaya saing di peringkat global.

Bibliografi

Ab.Rahim Selamat, 2000. **Pengurusan Sekolah Bestari**. Johor:Badan Cemerlang Sdn. Bhd.

Brent Davies & John West Burnham, 1999. **Kualiti Di Sekolah**. Kuala Lumpur : Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad

Kamarudin Hj.Kachar, 1989. **Kepimpinan Profesional dalam Pendidikan**.Kuala Lumpur : Teks Publishing Sdn. Bhd.

Kamarudin Hj.Kachar, 1989. **Roles in the Administration Of Schools in Malaysia**.Kuala Lumpur : Teks Publishing Sdn. Bhd.

Kamarudin Hj.Kachar, 1989. **Srategi Pentadbiran Pendidikan**.Kuala Lumpur : Teks Publishing Sdn. Bhd.

Norbi Husin ,2007. **Brontok** ,Virus Yang Merosakkan Sesebuah Pentadbiran.Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Omardin Ashaari, 1996. **Pengurusan Sekolah**. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Robiah Sidin, 1989. **Asas Pentadbiran Pendidikan**. Kuala Lumpur : Pustaka Cipta Sdn. Bhd.

Internet

ppdnet.cdc.com.my/minda.htm

<http://www.ikim.gov.my>

<http://www.emoe.gov.my/>

<http://www.haluan.org.my/>

BIODATA PEMBENTANG

NAMA : PUAN SALMAH BINTI ABU BAKAR
JAWATAN : GURU PENOLONG KANAN HEM SMK AYER KEROH
LULUSAN : BA.HONS MATEMATIK (1988)
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

KERJAYA :

1. Dilantik menjadi Guru Penolong Kanan HEM di SMK Ayer Keroh pada tahun 2005.
2. Membantu PPK dengan menjadi Jurulatih Utama untuk Kursus Orientasi Kurikulum Sains dan Matematik mulai tahun 2001 hingga 2006.
3. Terlibat membantu Lembaga Peperiksaan Malaysia sejak tahun 1995 hingga kini.
4. Menjadi Jurulatih Utama Matematik untuk JPN Melaka sejak tahun 2001 hingga kini.
5. Mengikuti Program Youth Invitation Programme selama satu bulan di Jepun pada tahun 2001.
6. Menyertai Konvensyen Guru-guru ASEAN di Indonesia pada tahun 2006.